



Polisi

Kenderaan Komersial (Tariff)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Berjaya Sampo Insurance Berhad

No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-889-933
Tel.: 03-2170 7300
E-mel: customer@bsompo.com.my
Laman Web: www.berjaysompo.com.my

Lihat untuk
lebih banyak produk



KK-T0725

Isi Kandungan

NOTIS PENTING	3
PERJANJIAN ANTARA KITA	4
JENIS PERLINDUNGAN	4
SEKSYEN A – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA.....	4
SEKSYEN B – LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA	5
DISKAUN TANPA TUNTUTAN	6
PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK	7
PENGECUALIAN AM – DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI	7
SYARAT (DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI)	8
DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI.....	10
PERIL KHAS/FASAL/WARANTI	10
LAMPIRAN	13

NOTIS PENTING

Ini adalah **Polisi Kenderaan Komersial** ^{Tariff} **Anda**. **Anda** harus berpuas hati bahawa **Polisi** ini akan memenuhi keperluan **Anda**. **Anda** perlu membaca dan memahami terma, syarat dan waranti polisi dan berbincang dengan penasihat insurans, ejen, broker **Anda** dan/atau dengan **Kami** secara langsung untuk maklumat lanjut dan/atau untuk menjelaskan sebarang keraguan yang **Anda** miliki, sebelum **Anda** membeli **Polisi** ini. Jika terdapat sebarang kesilapan atau salah huraian, atau perlindungan tidak mengikut kehendak **Anda**, sila kembalikan **Polisi** kepada **Kami** dengan segera untuk pengubahsuaian.

Anda hendaklah mematuhi sepenuhnya dan memenuhi terma, syarat dan waranti **Polisi** ini untuk menikmati perlindungan yang disediakan. Jika **Anda** mempunyai sebarang soalan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi **Kami** untuk penjelasan selanjutnya. Jika terdapat apa-apa perubahan dalam pengakuan **Anda** yang mungkin menjejaskan insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada **Kami** dengan segera, jika tidak, anda mungkin tidak menerima faedah **Polisi** ini.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, **Kami** akan menghantar salinan bercetak bagi **Polisi** ini sekali sahaja. Sila simpan **Polisi** ini dengan selamat. Sekiranya berlaku pembaharuan dan/atau pengubahsuaian **Polisi** **Anda**, **Kami** akan menghantar **Jadual Polisi** dan/atau **Pengendorsan** sahaja kepada **Anda**. Sekiranya pada bila-bila masa **Anda** memerlukan salinan **Polisi**, sila muat turun daripada www.berjaysompo.com.my.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan Polisi ini, sila hubungi:

UNIT ADUAN – PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Berjaya Sampo Insurance Berhad
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank
105 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tel : 03-2170 7300

Talian Bebas Tol : 1-800-889-933

Fax : 03-2170 4800

E-Mel : customer@bsompo.com.my

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan tindak balas **Kami**, **Anda** mungkin memilih untuk menghubungi sama ada:

PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN

Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Tel. : 03-2272 2811

Laman Web : www.fmos.org.my

LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

BNMLINK

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465 / 03-2174 1717 (Luar negara)

Fax : 03-2174 1515

eLINK : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

PERJANJIAN ANTARA KITA

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

JENIS PERLINDUNGAN

MANA-MANA YANG BERIKUT BOLEH DITERIMA PAKAI:-

KOMPREHENSIF – Seksyen A & B dalam polisi ini diterima pakai;

PIHAK KETIGA SAHAJA – Hanya Seksyen B diterima pakai;

SEMUA PENGENDORSAN, FASAL ATAU WARANTI YANG DILAMPIRKAN SECARA BERASINGAN PADA POLISI INI JUGA DITERIMA PAKAI.

SEKSYEN A – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA

1. Kami akan melindungi Anda sekiranya Kenderaan Anda rosak atau hilang dalam keadaan berikut:

- (a) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
- (b) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal,
- (c) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,
- (d) rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- (e) kebakaran, letupan atau kilat,
- (f) pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian
- (g) perbuatan niat jahat,
- (h) semasa dalam transit (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:
 - (i) jalan raya, rel, laluan air pedalaman.
 - (ii) laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan Semenanjung.

2. Asas Penyelesaian

- (a) **Kami** akan, mengikut pilihan **Kami**.
 - (i) membayar kos memperbaiki **Kenderaan Anda**, atau
 - (ii) membayar secara tunai, amaun kerugian atau kerosakan **Kenderaan Anda**, atau
 - (iii) membaik pulih atau mengganti **Kenderaan Anda**.
- (b) Jumlah maksimum yang akan **Kami** bayar ialah nilai pasaran **Kenderaan Anda** pada masa kerugian, atau jumlah diinsuranskan dalam Polisi, mengikut yang mana lebih rendah.
- (c) Sekiranya **Kenderaan Anda**, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasarannya, maka **Anda** hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaantersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi jumlah yang diinsuranskan sebanyak 10% atau lebih.
- (d) Nilai pasaran **Kenderaan Anda** akan ditentukan, sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian **Kenderaan** gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan **Kenderaan Anda** pada masa kerugian.
- (e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan **Kenderaan Anda**, maka nilai pasaran **Kenderaan** akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh **Anda** dan **Kami**.
- (f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran **Kenderaan Anda** untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap **Kami**.
- (g) Jumlah maksimum yang akan **Kami** bayar bagi kos pembaikan terhadap **Kenderaan Anda** adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan **Kenderaan Anda** kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang se hampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, **Anda** akan menanggung bahagian 'betterment' atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:

Umur Kenderaan/Tahun	Kadar untuk 'Betterment' (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 Tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur **Kenderaan**:

Kenderaan	Umur kenderaan berdasarkan pada
Kenderaan Baru	Tarikh Pendaftaran
Kenderaan tempatan terpakai/telah digunakan	Tarikh Pendaftaran Asal
Kenderaan Import terpakai/telah digunakan	Tahun Buatan
Kenderaan Import 'reconditioned'	Tahun Buatan

3. Pengangkutan Kenderaan Yang Rosak

Kami akan membayar **Anda** sehingga maksimum RM200.00 sebagai Upah Tunda untuk membawa **Kenderaan Anda**, sama ada ke **Bengkel** Membaiki Kereta yang terdekat, atau menunda **Kenderaan** untuk dihantar pulang ke alamat **Anda** seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan **Kenderaan Anda** diakibatkan oleh **Kenderaan** seperti yang dinyatakan dalam Sekyen ini.

4. Pengecualian kepada Sekyen A

Kami TIDAK akan membayar bagi

- segala kerugian turutan.
- Kehilangan kegunaan **Kenderaan Anda**.
- susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kelesuan logam kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya mana-mana bahagian **Kenderaan Anda** kecuali pecahnya cermin hadapan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada.
- kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat.
- kerosakan disebabkan oleh letupan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas **Kenderaan Anda**.
- kerosakan pada tayar **Kenderaan Anda** kecuali **Kenderaan Anda** rosak pada masa yang sama.
- apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan menipu/pecah amanah jenayah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan menipu/pecah amanah jenayah seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan.
- lebih seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
- kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

SEKSYEN B – LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

1. Kami akan melindungi Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa untuk suatu amaun yang Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:

- kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B.
- kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan **Kenderaan Anda** dengan syarat pemandu yang **Anda** beri kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat polisi seperti yang dikenakan ke atas **Anda**.

2. Had Liabiliti Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** di bawah Seksyen B1 (a) adalah : berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu siri tidak terhad. tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa.

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** di bawah Seksyen B1 (b):
terhad kepada RM3 juta.

3. Menunda Kenderaan Yang Rosak

Kami akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B(1)(a) dan Seksyen B(1)(b) jika **Kenderaan Anda** digunakan untuk menunda mana-mana **Kenderaan** Bermotor yang rosak.

Dengan Syarat:

- (a) **Kenderaan** yang ditunda bukan ditunda untuk ganjaran.
- (b) **Kami** tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada **Kenderaan** yang ditunda atau harta yang dibawahnya.

4. Perlindungan untuk Wakil Di sisi Undang-Undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Polisi ini, **Kami** akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat polisi.

5. Kos Undang-Undang

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu **Kenderaan** Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis **Kami** telah diperolehi terlebih dahulu.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN B

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- (a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan **Kenderaan** atau jalan raya awam berkaitan dengan pemunggaran ke atas dan daripada **Kenderaan Anda**.
- (b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan **Anda** atau pemandu yang **Anda** beri kuasa.
- (c) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari **Kenderaan Anda** (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas **Kenderaan Anda** dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** dan/atau pemandu yang **Anda** beri kuasa dan/atau majikannya).
- (d) kerosakan terhadap harta kepunyaan atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** dan/atau pemandu yang **Anda** beri kuasa dan/atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** dan/atau pemandu yang **Anda** beri kuasa.
- (e) kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejambat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat getaran atau berat **Kenderaan Anda** atau muatan yang dibawa oleh **Kenderaan Anda**.
- (f) kerosakan harta yang disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas **Kenderaan Anda**.
- (g) kematian atau kecederaan anggota disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas **Kenderaan Anda** kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.
- (h) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.
- (i) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut baik di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam

DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada polisi **Anda** dan dengan syarat **Kenderaan Anda** diinsuranskan dengan **Kami** untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini, **Anda** layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membaharui Polisi **Anda** seperti berikut:

Tempoh Insurans	Diskaun
Selepas tahun pertama insurans	15%
Selepas tahun kedua insurans	20%
Selepas tiga tahun atau lebih insurans	25%

Jika **Kami** bersetuju memindahkan kepentingan dalam Polisi ini, tempoh kepentingan di atas nama **Anda** tidak akan terakru untuk manfaat baru.

Jika lebih daripada satu **Kenderaan** Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Polisi yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap **Kenderaan** Bermotor berkenaan.

PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK

1. Hak **Anda** atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apapun.
2. Walaubagaimanapun, sekiranya **Kami** dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya **Kami** tidak ada liabiliti untuk membayar, **Anda** hendaklah membayar balik kepada **Kami** wang yang telah **Kami** bayar itu.
3. Sekiranya tuntutan kerosakan Sendiri telah dibayar dan tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga juga telah dibuat, **Anda** dikehendaki menyerahkan dan/atau memulangkan kepada **Kami** apa-apa jumlah yang telah dibayar kepada **Anda**, yang mana kegagalan untuk berbuat demikian **Kami** berhak mendapatkan kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa akibat langsung kos bayaran atau perbelanjaan tertanggung.

PENGECUALIAN AM – DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Kami TIDAK akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:

1. Jika **Anda** atau mana-mana orang yang **Anda** beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu **Kenderaan** tersebut kecuali sekiranya **Anda** atau mana-mana orang yang **Anda** beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu **Kenderaan Anda** di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
2. Jika **Anda** atau pemandu yang **Anda** beri kuasa memandu **Kenderaan Anda** di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal **Kenderaan Anda**.
3. (a) Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh **Kenderaan Anda** yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukan di bawah Had Penggunaan oleh **Anda** atau oleh orang lain dengan persetujuan **Anda**.
(b) Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa **Kenderaan Anda** berhubung dengan indemniti yang diperuntukan dibawah Polisi ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan **Anda** atau dengan kebenaran **Anda**.
4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan-keadaan yang tersebut di atas.
5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semulajadi lain.
6. Jika **Kenderaan Anda** digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, **Kenderaan Anda** ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika **Kenderaan Anda** dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada **Kenderaan Anda** akan dikecualikan daripada perlindungan Polisi ini.
8. Apa-apa kerosakan, kerugian, kemalangan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau tertanggung di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut **Kami** tidak ada liabiliti.
10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walaupun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walaupun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan
(b) Apa-apa liabiliti walaupun sifatnya

yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Polisi bertajuk “Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntutan Balik” atau di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk “Perundangan”, semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

SYARAT (DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI)

1. Kewajipan Pendedahan

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Kemalangan dan Prosedur Tuntutan

- (a) **Kami** mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran **Kenderaan-Kenderaan** yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini:
- (i) Dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.
 - (ii) Dalam tempoh tigapuluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika **Anda** dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
 - (iii) Selain dari (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh **Anda**.
- (b) Sekiranya **Kenderaan Anda** dilanggar oleh **Kenderaan Pihak Ketiga**, **Anda** boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada **Kami**. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** tidak akan terjejas sekiranya **Kami** memutuskan **Anda** tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara **Kami** sepenuhnya. Dengan syarat **Kenderaan Pihak Ketiga** itu berinsurans, boleh dikenal pasti dan/atau bukan **Kenderaan** digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk sewaan), bukan **Kenderaan** yang diinsuranskan oleh bukan Penanggung Insurans Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.
- (c) Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada **Kami** serta-merta. **Anda** juga mesti tanpa berlengah memberitahu **Kami** sekiranya **Anda** tahu apa-apa pendakwaan, inkues atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, **Anda** mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis dan bekerjasama dengan **Kami** dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, Pengakuan, atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami** terlebih dahulu.
- (f) **Kami** mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- (g) Pembaikan **Kenderaan Anda** tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada **Kami** terlebih dahulu.
- (h) Sekiranya **Kenderaan Anda** terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, **Kenderaan Anda** mesti dibawa ke **Bengkel** yang diluluskan oleh PIAM untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih **Kenderaan Anda** ke **Bengkel** yang diluluskan oleh PIAM adalah pelanggaran terhadap syarat ini, dan **Kami** berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.
- (i) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Polisi ini, **Kami** boleh membayar **Anda** amaun sepenuh liabiliti **Kami** mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan **Kami** tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan **Anda** alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah **Kami** lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana **Kami** telah melepaskan pengendalian

berkenaan begitu juga **Kami** tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang **Anda** tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas **Kami** melepaskan pengendalian berkenaan.

3. Pembatalan

- (a) **Anda** boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu **Kami** secara bertulis.
- (b) **Kami** juga boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi **Anda** notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat **Anda** yang terakhir.
- (c) **Anda** hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan sijil insurans asal kepada **Kami** atau, menyediakan untuk **Kami** satu akuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda**.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh **Anda** (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans berkenaan), **Anda** adalah layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa **Kami** dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda** seperti yang berikut:

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium %
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	tiada bayaran balik premium dibenarkan

- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh **Kami**, **Anda** layak mendapat bayaran balik premium secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda**.
- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

4. Insurans Lain

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada **Kami** jika **Anda** mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi **Kenderaan Anda**. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, **Kami** akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walaubagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan **Kami** apa-apa liabiliti yang **Kami** tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. Subrogasi

Sekiranya perlu, **Kami** berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan **Kami** sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama **Anda** atau mendakwa atas nama **Anda** untuk kepentingan **Kami** mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan **Kami** mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan **Anda** hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang **Kami** perlukan.

6. Fasal Timbang Tara

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Sekiranya **Anda** dan **Kami** tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walaubagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh **Kami** bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan **Kami** kepada **Anda**.

7. Hal Lain

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) **Anda** telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga **Kenderaan Anda** supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) **Anda** telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga **Kenderaan Anda** daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) **Anda** mesti membenarkan **Kami** memeriksa **Kenderaan Anda** pada bila-bila masa yang wajar.

DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI

1. **Kami** merujuk kepada Syarikat Insurans.
2. **Anda** merujuk kepada Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsuranskan.
3. **Kenderaan Anda** merujuk kepada **Kenderaan** itu, aksesori standard pemasangan di kilang dan apa-apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
4. **Aksesori** merujuk kepada alat standard **Kenderaan** bermotor, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
5. **Bengkel** merujuk kepada **Bengkel** membaiki **Kenderaan** di bawah Skim **Bengkel** Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
6. **Ahli keluarga Anda** merujuk kepada semua **Ahli Keluarga Anda** yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibubapa, dan adik-beradik).
7. **Penipuan** seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti yang berikut:
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:
 - (a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta, atau.
 - (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan "menipu".
8. **Pecah amanah jenayah** seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".
9. **Takrif perbuatan ganas**
Bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan seperti yang termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

PERIL KHAS/FASAL/WARANTI

Peril Khas/Fasal/Waranti/ berikut hanya sah jika dinyatakan dalam jadual polisi

Pengendorsan 1 – Lebihan Semua Tuntutan

Anda bertanggungjawab bagi amaun lebihan seperti yang dinyatakan di dalam jadual yang pertama bagi setiap and tiap-tiap tuntutan yang kena bayar (termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh **Kami** dalam mengendalikan, membela dan menyelesaikan sebarang tuntutan) di bawah Seksyen A/Seksyen A1(e) & 1(f) (potong yang tidak berkenaan) Polisi ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai.

Jika perbelanjaan ditanggung oleh **Kami** itu termasuk amaun yang adalah tanggungjawab **Anda**, amaun sedemikian hendaklah dibayar balik kepada **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada Terma and Syarat Polisi ini.

Nota: Amaun Lebihan yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi Polisi ini.

Pengendorsan 2 – Lebih Tuntutan Kerosakan

Anda bertanggungjawab bagi amaun lebihan yang dinyatakan di dalam jadual yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar di bawah Seksyen A Polisi ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai.

Lebih ini tidak diterima pakai bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian.

Selainnya tertakluk kepada Terma and Syarat Polisi ini.

Nota: Amaun Lebihan yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi Polisi ini.

Pengendorsan 3(p) – Pihak Ketiga Sahaja

Perlindungan dalam polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).

Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) dibatalkan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini

Pengendorsan 3(q) – Pihak Ketiga Kebakaran Dan Kecurian

Perlindungan dalam polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian sahaja.

Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA **KENDERAAN ANDA**) polisi ini akan melindungi **Anda** jika **Kenderaan Anda** rosak atau hilang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian dan Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 15 – Sewa Beli

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa nama syarikat sewa beli yang dinyatakan di dalam jadual (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik **Kenderaan Anda** di bawah satu Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik dan **Anda**. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap **Kenderaan Anda** (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Polisi ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik **Kenderaan Anda**. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada **Kami** atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Polisi ini dikeluarkan kepada **Anda** sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh **Anda** kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan **Anda** di bawah Polisi ini. **Anda** tidak boleh menyerahhak akan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah Polisi ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 15 (a) – Pinjaman Majikan

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa nama syarikat/firma yang dinyatakan di dalam jadual, di bawah syarikat sewa beli atau yang berkenaan, mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada **Anda** melalui Polisi ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap **Kenderaan Anda** (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada nama syarikat/firma yang disebut atas sehingga notis diberikan kepada **Kami** bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas **Kenderaan Anda**, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti **Kami** berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.

Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjelaskan hak dan liabiliti **Kami/Anda** di bawah Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini..

Nota: *Isikan nama Majikan (Kerajaan atau Swasta).

Pengendorsan 19 – Risiko Penumpang (Tidak diguna pakai kepada Polisi “Akta”)

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (c) Seksyen B Polisi ini dibatalkan.

*Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika **Kenderaan** Bermotor membawa lebih daripada** orang (selain daripada atendan konduktor jika ada dan pemandu) **Anda** hendaklah membayar semula **Kami** perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh **Kami**.

Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam **Kenderaan** Bermotor.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: * Abaikan proviso ini dalam kes **Kenderaan** jenis Khas.

Bilangan yang perlu diisi di dalam kes Kereta Untuk Sewa adalah mengikut bilangan yang dibenarkan oleh Lesen **Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk **Kenderaan** Bermotor tersebut dan di dalam kes-kes **Kenderaan** lain, bilangan adalah mengikut bilangan yang mana premium telah dibayar dan ianya merupakan jumlah keseluruhan bilangan tempat duduk penumpang termasuk bilangan lebih penumpang yang dibawa dengan kebenaran Pihak Berkuasa.

Pengendorsan 25 – Mogok, Rusuhan Dan Kekecohan Awam

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa perkataan-perkataan “mogok, rusuhan dan kekecohan awam” dalam Pengecualian Am 4 Polisi ini tidak akan diterima pakai kepada mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung oleh

- (1) perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak) atau tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membenteras atau percubaan untuk membenteras mana-mana gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat gangguan sedemikian.
- (2) perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada suatu mogok atau sebagai tentangan kepada suatu sekat-masuk atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah mana-mana perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana perbuatan sedemikian.

Dengan syarat bahawa indemniti yang diberikan dengan sebab Pengendorsan ini tidak akan diterima pakai bagi mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti (melainkan setakat yang perlu bagi memenuhi kehendak Perundangan) secara langsung atau tidak langsung secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh, yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan

- (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), peperangan sivil
- (b) dahagi, kekecohan awam yang hampir mencapai atau mencapai takat kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi tentera, rampasan kuasa pihak tentera atau mana-mana perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang dihalakan bagi menumbangkan kerajaan de jure atau de facto atau dengan pengaruh keganasan atau kekerasan terhadapnya atau melalui akibat secara langsung atau tidak langsung mana-mana satu daripada kejadian tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, **Anda** hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut timbul berasingan daripada dan tidak ada kena mengena dengan atau yang boleh dikesan kepada kejadian-kejadian tersebut atau mana-mana akibatnya dan sekiranya hal itu gagal dibuktikan, **Kami** tidak akan menanggung mana-mana bayaran yang berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 30 – Penggantian Alat Ganti

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki **Kenderaan Anda** tidak terdapat di Malaysia, atau jika **Kami** menjalankan opsyen **Kami** untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti **Kami** bagi alat ganti/aksesori sedemikian hendaklah.

- (a) (a) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara); dan
- (b) kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 38 – Kren Bergerak

Kami bersetuju bahawa berkaitan dengan **Kenderaan** Bermotor. **Kami** tidak akan bertanggungjawab:

- (a) Di bawah Seksyen A polisi ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh terbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan **Kenderaan** atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada **Kenderaan** tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan dan kerosakan yang timbul secara langsung dari kebakaran, letupan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompakan, pecah rumah atau kecurian.
- (b) Di bawah Seksyen B polisi ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan yang mana liabiliti dikenakan ke atas **Anda** yang timbul dari operasinya sebagai alatan **Kenderaan** tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian dari **Kenderaan** atau yang dipasang dengannya.

Pengendorsan 38A – Perluasan Perlindungan Kerosakan Tidak Sengaja Kepada Bum

Sebagai balasan pembayaran premium tambahan oleh **Anda** kepada **Kami**, yang berikut dianggap dilindungi di bawah Seksyen A Polisi ini:-

“Kerosakan yang Tidak Sengaja dan Tidak Dijangka kepada Bum Kren tersebut semasa di dalam penggunaannya sebagai sebahagian alatan perniagaan.”

Kami TIDAK akan membayar kerosakan kepada Bum:

- (a) disebabkan oleh kerosakan mekanikal
- (b) disebabkan oleh haus dan lusuh.

Lebihan – 2% Jumlah Diinsuranskan termasuk bum.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 39 – Pengecualian Risiko Kerja Pihak Ketiga

Kami bersetuju bahawa di bawah Seksyen B Polisi ini, **Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ditanggung oleh **Anda** yang timbul daripada pengendalian alat **Kenderaan** Bermotor tersebut atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada **Kenderaan** Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan.

Pengendorsan 41 – Jentera Bergerak – Pemasukan Risiko Kerja Pihak Ketiga Di Mana Peralatan Untuk Mengendali Sesuatu Pekerjaan Digunakan Untuk Kerja Yang Dilaksanakan Di Dalam Atau Di Atas Kenderaan Bermotor Atau Treler Sahaja.

Kami bersetuju bahawa **Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen B Polisi ini kecuali jika perlu untuk memenuhi keperluan Perundangan terhadap liabiliti yang timbul daripada:

- (a) letupan sebarang bejana akibat tekanan yang menjadi sebahagian daripada jentera yang dipasang atau yang menjadi sebahagian daripada **Kenderaan** Bermotor tersebut.
- (b) operasi selain dari dalam atau atas jentera yang menjadi sebahagian dari **Kenderaan** Bermotor tersebut.

Pengendorsan 42 – Jentera Bergerak – Pemasukan Risiko Kerja Pihak Ketiga – Semua Kes Yang Lain

Kami bersetuju bahawa **Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen B Polisi ini kecuali jika perlu untuk memenuhi keperluan Perundangan terhadap:

- (a) kematian, kecederaan atau kerosakan akibat daripada
 - (i) penenggelaman tanah, banjir atau pencemaran air
 - (ii) kerosakan kepada paip atau kabel yang timbul daripada operasi sebagai peralatan **Kenderaan** Bermotor atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripadanya atau dipasang kepadanya
- (b) kerosakan kepada harta benda akibat daripada pembuatan, pembinaan, pengubahan, pembaikan atau pemulihan harta benda tersebut oleh **Anda**.
- (c) kematian, kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui harta benda di mana **Anda** telah menjalankan proses pembuatan, pembinaan, pengubahan, pembaikan atau pemulihan.
- (d) liabiliti yang ditanggung oleh **Anda** timbul daripada letupan sebarang bejana akibat tekanan yang menjadi sebahagian daripada jentera yang dipasang atau yang menjadi sebahagian daripada **Kenderaan** Bermotor.

Pengendorsan 43 – Kedai Dan Kantin Bergerak

Kami bersetuju bahawa **Kami** tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan:

- (a) kerugian atau kerosakan kepada** di atas **Kenderaan** Bermotor. *
- (b) kematian atau kecederaan anggota atau penyakit mana-mana orang disebabkan oleh atau melalui atau berhubung dengan atau timbul daripada:
 - (i) apa-apa jenis keracunan atau bahan asing atau berbahaya dalam makanan atau minuman
 - (ii) apa-apa barang yang dibekalkan kepada atau daripada **Kenderaan** Bermotor atau bekas mengisi barang tersebut.
 - (iii) apa-apa rawatan yang diberikan di **Kenderaan** atau daripada **Kenderaan** Bermotor.

Notes: * Untuk Polisi Pihak Ketiga dan Polisi "Akta" gugurkan Proviso (a)

- ** 1. Isikan perkataan "Perkakas atau stok perniagaan" dalam kes "Kedai atau Kantin Bergerak"
- 2. Isikan perkataan "alat pembedahan, kelengkapan perubatan atau bekalan "dalam kes "Pembedahan Bergerak".

Pengendorsan 54 - Treler Yang Tidak Dinyatakan (Semasa Dipasang Pada Kenderaan) – Polisi Kenderaan Perdagangan Sahaja (Bayaran premium berdasarkan kepada Kenderaan penggerak utama yang ditentukan)

Kami akan melindungi treler **Anda** semasa dipasang pada **Kenderaan** Bermotor yang dinyatakan di dalam Lampiran tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Dengan syarat bahawa:

- (a) Seksyen A Polisi ini hendaklah tidak diguna pakai terhadap sebarang **Kenderaan** yang digerakkan secara mekanikal yang rosak.
- (b) Liabiliti **Kami** di bawah Seksyen A Polisi ini bagi kerugian atau kerosakan kepada treler tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah*
- (c) Bagi tujuan Pengecualian (c) dan (d) kepada Seksyen B Polisi ini, **Kenderaan** bermotor dan treler yang dipasang hendaklah dianggap sebagai sebuah **Kenderaan** Bermotor.

LAMPIRAN

Kenderaan Bermotor yang mana Pengendorsan ini di terima pakai

- Notes: * (1) Isikan jumlah nilai treler yang mempunyai nilai yang tertinggi yang akan digunakan pada mana-mana satu masa.
(2) Polisi Pihak Ketiga sahaja – Gugurkan Proviso (a) dan (b)
(3) Polisi “Akta” – Gugurkan Proviso (a), (b) dan (c)

Pengendorsan 57 – Memasukkan Peril Khas

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, Seksyen A Polisi ini melindungi **Anda** daripada peril berikut:-

Banjir, Taufan, Hurikan, Ribut, Ribut Kencang, Letusan Gunung Berapi, Gempa Bumi, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah, Penurunan atau Penenggelaman Tanah ataupun Konvulsi semulajadi lain.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 89A: Perlindungan Dipertingkatkan untuk Cermin Depan / Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi Pengendorsan ini, insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kos menggantikan atau memperbaiki kerosakan cermin depan / belakang, tingkap atau bumbung matahari **Kenderaan Anda** yang tidak disengajakan termasuk kos laminasi / lapisan penintaan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain telah dibuat bagi kejadian ini. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah Pengendorsan ini adalah amaun yang disebut di dalam jadual.

Jika tuntutan **Anda** adalah untuk kerosakkan kaca sahaja dan bukan kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang ekses, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Jika kaca yang rosak telah diganti, perlindungan yang diberikan oleh Pengendorsan ini akan tamat sebaik sahaja kaca itu digantikan. Jika **Anda** ingin mendapatkan perlindungan berterusan, **Anda** dikehendaki membeli Pengendorsan baharu dan membayar premium tambahan kepada **Kami**.

Jika kaca yang rosak telah dibaiki, perlindungan yang diberikan oleh Pengendorsan ini akan terus berkuat kuasa dan had yang asal disebut di dalam jadual akan dikekalkan, sehingga maksimum dua (2) pembaikan dalam tempoh insurans. Untuk pembaikan ketiga dan seterusnya, had asal akan dikurangkan berdasarkan kos pembaikan yang ditanggung. Jika **Anda** ingin mengembalikan semula amaun perlindungan ini ke had yang asal, **Anda** dikehendaki membayar premium tambahan kepada **Kami**.

Pengendorsan 91 – Pengecualian Penghantaran Melalui Laluan air Pedalaman

Kami bersetuju bahawa perkataan “laluan air pedalaman” adalah dipotong dari sub-seksyen 1(h) (i) pada Seksyen A Polisi ini.

Pengendorsan 95 – Pengendorsan Pajakan

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa:

- (1) (selepas ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik **Kenderaan Anda** yang merupakan perkara kepada suatu Perjanjian Pajakan yang dibuat antara Pemberi Pajak dan **Anda** Sendiri di suatu pihak yang lain.
- (2) Mana-mana bayaran yang dibuat berhubung dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan itu tidak dipulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) mengikut mana-mana liabiliti undang-undang di pihak **Kami** kepada **Anda** di bawah Seksyen A Polisi ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka merupakan pemilik **Kenderaan Anda** dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada **Kami** berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
- (3) Tanpa mengira mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian pajakan tersebut Polisi ini adalah dikeluarkan kepada **Anda** sebagai pihak utama dan bukannya sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak. **Anda** tidak boleh menyerah hak kepada Pemberi Pajak (sama ada menurut undang-undang atau ekuiti) hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah Polisi ini.
- (4) Tidak ada yang dinyatakan di dalam ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletak hak sebarang hak ke atas Pemilik/Pemberi Pajak untuk mendakwa **Kami** atas apa sifat jua pun bagi kemungkiran obligasi-obligasi **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 106 – Bengkel Yang Dibenarkan Oleh Penanggung Insurans

Syarat 2(h) pada Polisi ini adalah dipinda seperti berikut:

“Sekiranya Kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan menyebabkan tuntutan, Kenderaan Anda mestilah dihantar kepada Bengkel Skim Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan oleh PIAM (SBPP) yang dipilih dan diluluskan oleh Kami untuk pembaikan. Kegagalan untuk mengalih Kenderaan Anda ke Bengkel yang diluluskan adalah pelanggaran pengendorsan ini dan Kami mempunyai hak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini”.

Nota: Pengendorsan ini digunakan oleh penanggung insurans yang mana mempunyai panel **Bengkel** yang dipilih daripada senarai pembaikan SBPP.

Pengendorsan 109 – Peluasan Perlindungan Transit Feri antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Kami akan melindungi **Anda** di bawah Seksyen A Polisi ini, jika **Kenderaan Anda** rosak atau hilang semasa dalam transit antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah peluasan ini, **Anda** bertanggungjawab bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500.00 (yang mana lebih tinggi) sebagai tambahan kereta Lebihan yang dinyatakan di dalam Jadual.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Premium Tambahan: Loading sebanyak 10% atas Premium Tahunan Bersih (Premium Kasar tolak Diskaun Tanpa Tuntutan tetapi sebelum komisen kepada Pengantara) dan tertakluk pada Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500.00 (yang mana lebih tinggi).

Pengendorsan 110 – Perluasan Perlindungan Persiaran (Excursion Cover) (Digunapakai untuk Bas Sekolah, Bas Persendirian dan Bas Kilang sahaja) – untuk digunapakai bila tempoh perlindungan persiaran diambil pada masa-masa tertentu

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Kenderaan** untuk tujuan persiaran (excursion)/perjalanan bagi tempoh daripada sehingga

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 110(a) – Perluasan Perlindungan Persiaran (Excursion Cover) (Digunapakai untuk Bas Sekolah sahaja) – digunapakai bila tempoh yang diberi untuk persiaran (excursion) sama seperti polisi asas

Sebagai balasan bayaran premium tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Kenderaan** untuk tujuan persiaran (excursion) dalam tempoh insurans polisi ini tertakluk kepada persiaran itu:

- (a) dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dengan Lesen Perubahan Sementara untuk pertukaran sementara penggunaan bas kepada persiaran (excursion) yang dikeluarkan kepada pihak diinsuranskan, dan
- (b) terhad kepada cuti sekolah yang diluluskan oleh kerajaan atau pihak berkuasa sekolah dan cuti umum yang diwartakan, Sabtu dan Ahad sahaja (tiada perlindungan diberi semasa hari-hari persekolahan).
- (c) Jika sebaliknya, semasa hari-hari persekolahan, lawatan sambil belajar/rombongan hanya dibenarkan untuk kanak-kanak sekolah sahaja dengan kebenaran diperolehi daripada Kementerian Pendidikan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Pengendorsan 112 – Pampasan untuk Masa Pembaikan Taksiran (CART)

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, **Kami** akan membayar pampasan pada kadar ____ sehari sehingga ____ hari atau bilangan hari taksiran yang diperlukan untuk pembaikan sesuatu **Kenderaan** Bermotor yang mana kurang berikutan kerugian, kerosakan yang dilindungi dibawah Seksyen A Polisi ini. Pengendorsan ini tidak tertakluk kepada apa-apa Lebihan. Pampasan ini tidak akan dibayar jika kerugian dan kerosakan hanya melibatkan pecahnya mana-mana kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung **Kenderaan Anda**.

Dengan syarat:

- (a) manfaat ini hendaklah dibayar berdasarkan taksiran penyelaras kerugian bagi masa sebenar yang diperlukan untuk pembaikan tetapi tidak termasuk sebarang kelewatan yang disebabkan dalam apa pun keadaan samada tuntutan untuk kerugian atau kerosakan kepada **Kenderaan Anda** dilindungi di bawah Seksyen A dituntut dari **Kami** atau terhadap Pihak Ketiga. Dalam apa-apa pertikaian, masa pembaikan taksiran yang ditentukan oleh **Kami** adalah muktamad.
- (b) manfaat ini hendaklah dibayar untuk kerugian separa (tidak termasuk kecurian atau kerugian menyeluruh) **Kenderaan** yang diinsuranskan.

Anda boleh membuat lebih dari satu tuntutan di bawah Polisi pengendorsan ini dengan syarat jumlah keseluruhan bilangan hari dalam himpunan yang boleh **Anda** menuntut adalah tidak melebihi perlindungan yang dibayar.

Mana-mana tuntutan yang dibuat dibawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan **Anda** tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana lebihan yang dinyatakan dalam Polisi.

Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan atas pembatalan pengendorsan ini kecuali pembatalan tersebut dilaksanakan bersama pembatalan polisi.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Tuntutan dibawah manfaat ini hendaklah tidak menjejaskan hak Pihak Diinsuranskan untuk membuat tuntutan dari penanggung insurans pihak ketiga. Walau bagaimanapun, tuntutan pihak ketiga oleh Pihak Diinsuranskan adalah tertakluk kepada prinsip indemniti dan apa-apa jumlah dibayar dibawah manfaat ini akan ditolak dalam tuntutan pihak ketiga tersebut.

Warranti No. 1 – Warranti Ke Atas Lebih Muatan Kenderaan (Diterima Pakai Ke Atas Semua Kenderaan Perdagangan Termasuk Bas Dan Van Persendirian)

Adalah diwarantikan bahawa **Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah Sekyen A Polisi, ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, **Kenderaan Anda** membawa muatan yang berlebihan dari berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran **Kenderaan Anda**. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% dari berat yang dibenarkan (untuk **Kenderaan** membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam **Kenderaan** Bermotor.

SLE - Fasal Pengehadan dan Pengecualian Sanksi

Tiada penanggung insurans disifatkan sebagai menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa faedah di bawah ini sehingga penyediaan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau pemberian manfaat sedemikian akan mendedahkan penanggung insurans itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Endorsmen A05: Kos Menunda Tanpa Had (BDM Kenderaan $\leq$ 7,500kg)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, dan **Kenderaan Anda** berumur tidak melebihi 15 tahun, **Kami** setuju untuk memanjangkan Seksyen A.3: Kos Menunda merangkumi perkhidmatan menunda tanpa had berkenaan dengan mana-mana perjalanan menunda tunggal dari lokasi kemalangan atau kerosakan ke Panel **Bengkel** pilihan kami atau tempat penyimpanan yang selamat di Malaysia semasa menunggu pembaikan atau pelupusan. Kos alat ganti, caj tol dan bayaran levi yang dikenakan oleh Kastam untuk menunda rentas sempadan adalah dikecualikan.

Sekiranya kerosakan **Kenderaan Anda** dan kos yang ditanggung hanya untuk perkhidmatan menunda, **Kami** tidak akan menolak sebarang **Ekses**, dan **Anda** tidak akan kehilangan hak Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Endorsmen A05A: Kos Menunda Tanpa Had (BDM Kenderaan $>$ 7,500kg)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, dan **Kenderaan Anda** berumur tidak melebihi 15 tahun, **Kami** setuju untuk memanjangkan Seksyen A.3: Kos Menunda merangkumi perkhidmatan menunda tanpa had berkenaan dengan mana-mana perjalanan menunda tunggal dari lokasi kemalangan atau kerosakan ke Panel **Bengkel** pilihan kami atau tempat penyimpanan yang selamat di Malaysia semasa menunggu pembaikan atau pelupusan. Kos alat ganti, caj tol dan bayaran levi yang dikenakan oleh Kastam untuk menunda rentas sempadan adalah dikecualikan.

Sekiranya kerosakan **Kenderaan Anda** dan kos yang ditanggung hanya untuk perkhidmatan menunda, **Kami** tidak akan menolak sebarang **Ekses**, dan **Anda** tidak akan kehilangan hak Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.